




KETUA PERANGKAWAN
CHIEF STATISTICIAN
Jabatan Perangkaan Malaysia
Department Of Statistics, Malaysia
Aras 8, Blok C6, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62514 Putrajaya
MALAYSIA



Ruj. Kami : JP/BKKP/905/1Jld.4 (24)
 Tarikh : 17 Januari 2019

YBhg. Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas
 Ketua Setiausaha
 Kementerian Pendidikan Malaysia
 Aras 17, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5,
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
 62200 PUTRAJAYA.



*Therese
 pengurusan
 uko sudi.*

YBhg. Dato' Dr.,




**JEMPUTAN MENYERTAI 62ND INTERNATIONAL STATISTICAL INSTITUTE
 WORLD STATISTICS CONGRESS 2019 (ISI WSC 2019), 18-23 OGOS 2019,
 KUALA LUMPUR DAN PERMOHONAN HEBAHAN ISI WSC 2019 PADA PORTAL
 KEMENTERIAN**

Dengan segala hormatnya, izinkan saya menjemput perhatian YBhg. Dato' Dr. kepada perkara di atas. Terlebih dahulu saya mendoakan semoga YBhg. Dato' Dr. sentiasa berada dalam keadaan sihat serta dipermudahkan segala urusan jua.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bersama Bank Negara Malaysia (BNM) dan Institut Statistik Malaysia (ISM) dengan kerjasama *International Statistical Institute (ISI)* akan menganjurkan *62nd ISI World Statistics Congress* pada 18-23 Ogos 2019 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC).

3. Untuk makluman YBhg. Dato' Dr., ISI WSC 2019 merupakan program yang diadakan setiap dua (2) tahun sekali dan julung kalinya diadakan di Malaysia. Persidangan berprestij dwi tahunan ini akan melibatkan **2,500 delegasi** yang juga terdiri daripada pakar statistik terkemuka antarabangsa dari **130 buah negara**. Di samping itu, kira-kira **1,300 kertas** merangkumi pelbagai disiplin statistik dan aplikasi akan dibentangkan dan dibincangkan dalam tempoh lima hari persidangan ini. Penganjuran persidangan ini menyediakan platform kepada pengamal sains statistik, para penyelidik, ahli akademik dan pembuat dasar untuk berkongsi pengalaman penggunaan statistik dalam persekitaran yang dinamik untuk analisis dan membuat keputusan.

*Per Smpialy
 Lepauk (P)
 Tindakan
 pada 6 dgn
 mialy Uke
 7 13/2*



*TMS -
 spt arahan
 1/1/2
 sub Dep.
 ds vev' 98
 dr pada 6.*

"PENJANA STATISTIK NEGARA"
"Producer of National Statistics"



4. Sehubungan itu, pihak kami berbesar hati ingin menjemput YBhg. Dato' Dr. dan pegawai kementerian untuk menyertai persidangan ini pada ketetapan seperti berikut:

Program : **62nd ISI World Statistics Congress (ISI WSC) 2019**
Tarikh : **18-23 Ogos 2019**
Masa : **8.00 pagi – 5.00 petang**
Tempat : **Kuala Lumpur Convention Centre,
Kuala Lumpur City Centre,
50088 Kuala Lumpur,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

5. Bersama-sama ini disertakan *Information Bulletin Vol. 1* yang mengandungi maklumat berhubung penganjuran ISI WSC 2019 untuk makluman dan rujukan YBhg. Dato' Dr. jua. Dimaklumkan juga bahawa pendaftaran secara atas talian bagi menyertai persidangan ini boleh dibuat melalui pautan di laman web <http://www.isi2019.org>. dan **pendaftaran early bird** telah dibuka pada **1 Disember 2018 sehingga 31 Mei 2019**. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, pihak YBhg. Dato' Dr. boleh berhubung terus dengan **Puan Suhaily Safie** (suhaily@stats.gov.my) di talian **03-8947 9255** dan **Puan Siti Sarah Che Dan** (sarah@stats.gov.my) di talian **03-8947 9019**.

6. Pihak kami juga memohon agar pihak YBhg. Dato' Dr. dapat membantu dalam membuat hebahan penganjuran ISI WSC 2019 melalui portal kementerian dengan paparan *e-banner* ISI WSC 2019 seperti yang dilampirkan untuk makluman umum.

7. Semoga dengan sokongan dan kehadiran YBhg. Dato' Dr. bersama pegawai kementerian dalam persidangan ini dapat memperkukuhkan lagi sistem statistik negara dan mampu menyumbang kepada peningkatan literasi statistik serta memberi manfaat kepada warga kementerian dan rakyat Malaysia.

8. Segala sokongan dan perhatian YBhg. Dato' Dr. dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Salam hormat,



(DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN)

Ketua Perangkawan Malaysia

merangkap Pengerusi *National Organising Committee 62nd ISI WSC 2019*



Scan Me

62nd ISI WORLD STATISTICS CONGRESS 2019

18 - 23 August 2019, Kuala Lumpur

Come.
Connect.
Create.

Organised by:



International Statistical Institute



DEPARTMENT OF STATISTICS
MALAYSIA



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA



MALAYSIA INSTITUTE
OF STATISTICS



DEPARTMENT OF STATISTICS
MALAYSIA



MALAYSIA COMMUNICATIONS
COMMISSION
KUALA LUMPUR

Supported by:



www.isi2019.org



ISI WSC 2019

Early Bird Registration : 1st December 2018 - 31st May 2019